



# جباٰن کحاکیم شر عیة ملیسیا

DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62677 PUTRAJAYA

TEL: 03-888 64800

FAKS: 03-888 91627

---

JKSM /100-24/5 Jld. 4 ( 30 )

29 Jamadilawwal, 1428H/  
15 Jun, 2007M

**Y.A.A Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah  
Negeri-negeri**

**Arahan Amalan No. 17 Tahun 2007  
Amalan *Khul'* atau Cerai Tebus Talaq**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2007 pada 28hb. hingga 30 Rabiulawwal, 1428H bersamaan 16hb. hingga 18hb. April 2007 di Melaka dan pengesahan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawwal, 1428H bersamaan 11 Jun, 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan Amalan *Khul'* atau Cerai Tebus Talaq sebagaimana di Lampiran.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.

  
**(Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)**  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.  
PUTRAJAYA

## LAMPIRAN

### AMALAN *KHUL'* ATAU CERAI TEBUS TALAQ

Ketua Hakim Syarie menetapkan Amalan *Khul'* atau Cerai Tebus Talaq seperti berikut:-

1. Amalan *Khul'* atau Cerai Tebus Talaq hendaklah terpakai apabila didapati suami tidak bersetuju untuk menjatuhkan talaq dengan kerelaannya sendiri, tetapi pihak-pihak itu bersetuju bercerai dengan cara *khul'* atau cerai tebus talaq.
2. *Khul'* atau cerai tebus talaq hendaklah dilakukan di hadapan Mahkamah. Mahkamah dalam membicarakan tuntutan *khul'* atau cerai tebus talaq, hendaklah berpuas hati bahawa suami dan isteri itu -
  - (a) *baligh* ;
  - (b) berakal; dan
  - (c) bersetuju tanpa paksaan.
3. (1) Apabila membicarakan tuntutan *khul'* atau cerai tebus talaq, Mahkamah hendaklah memastikan bahawa-
  - (a) terdapat tawaran bayaran *khul'* atau tebus talaq yang tertentu daripada isteri atau suami.
  - (b) kadar bayaran *khul'* atau tebus talaq itu dipersetujui oleh isteri dan suami.

(2) Jika jumlah bayaran tebus talaq tidak dipersetujui oleh pihak-pihak itu, dengan persetujuan pihak-pihak, Mahkamah boleh mentaksirkan jumlah itu mengikut Hukum Syarak dengan memberi pertimbangan kepada taraf dan sumber kewangan pihak-pihak itu dan pihak-pihak adalah terikat dengan jumlah tebus talaq yang ditetapkan oleh Mahkamah itu.

(3) Bayaran *khul'* atau tebus talaq boleh dibuat dalam bentuk wang tunai, emas, perak, hartanah, saham, manfaat atau apa-apa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

4. Mahkamah boleh dengan persetujuan suami, menetapkan cara bayaran *khul'* atau cerai tebus talaq yang dipohon oleh isteri.
5. Setelah Mahkamah berpuas hati bahawa suami dan isteri telah memenuhi keperluan dalam Amalan 2 dan 3 di atas, Mahkamah bolehlah membenarkan *khul'* atau cerai tebus talaq melalui lafaz *ijab qabul khul'* seperti di Borang AK 1.
6. Suami atau isteri boleh mewakilkan lafaz *khul'* atau cerai tebus talaq kepada mana-mana orang lain dengan menggunakan Borang AK 2.
7. Setelah mensabitkan *khul'* atau cerai tebus talaq, Mahkamah hendaklah mengisyiharkan bahawa—
  - (a) isteri tertalaq dengan *ba'in sughra* dan wajib ber'iddah;
  - (b) suami isteri tersebut tidak boleh rujuk tetapi boleh bernikah semula semasa dalam 'iddah atau selepas 'iddah dengan *aqad* dan *mahar* yang baru; dan
  - (c) bilangan talaq berkurangan.
8. Mahkamah hendaklah merekodkan semua perkara yang berkaitan dengan lafaz *khul'*, kadar tebus talaq, keadaan isteri (haid, suci atau hamil), *talaq ba'in-sughra* dan cara bayaran *khul'* atau tebus talaq dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

Ketua Hakim Syarie Negeri \_\_\_\_\_

**BORANG AK 1**  
**LAFAZ KHUL' ATAU CERAI TEBUS TALAQ**  
( Amalan 5 )

**LAFAZ IJAB**

“Saya .....(nama suami), No. Kad Pengenalan ....., khul’ .....  
(nama isteri), No. Kad Pengenalan ..... dengan RM ..... atau  
.....( lain-lain bentuk harta atau manfaat yang bernilai)”.

**LAFAZ QABUL**

“Saya ..... (nama isteri) terima khul’ yang tersebut” .

Bertarikh ..... haribulan ..... tahun .....

.....  
Tandatangan Suami

.....  
Tandatangan Isteri

Di hadapan ;

.....  
Tandatangan Hakim

**BORANG AK 2**  
**LAFAZ KHUL' ATAU CERAI TEBUS TALAQ**  
**( Amalan 6 )**

**LAFAZ IJAB**

“Saya bagi pihak .....(nama suami), No. Kad Pengenalan ....., khul’ ..... (nama isteri), No. Kad Pengenalan ..... dengan RM ..... atau .....( lain-lain bentuk harta atau manfaat yang bernilai)”.

**LAFAZ QABUL**

“Saya bagi pihak ..... (nama isteri) terima khul’ yang tersebut” .

Bertarikh ..... haribulan ..... tahun .....

.....  
Tandatangan Wakil Suami

.....  
Tandatangan Wakil Isteri

Di hadapan ;

.....  
Tandatangan Hakim